

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN NO. 300**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) adakah teknologi peralatan, kualiti kepakaran dan kualiti ubatan yang digunapakai di hospital awam pada ketika ini menepati piawaian antarabangsa dan setaraf dengan hospital swasta; dan
- b) apakah inovasi dalam bidang perubatan yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pusat penjagaan dan rawatan kesihatan yang terbaik di rantau Asia dan dunia.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Sistem Kesihatan di Malaysia masih berdepan dengan banyak isu dan cabaran walaupun sering diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah peningkatan ekspektasi rakyat dan kekangan sumber kesihatan. Selaras dengan itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan penggunaan teknologi dalam bidang perubatan yang meliputi peralatan, ubat-ubatan, prosedur, sistem organisasi dan juga program kesihatan adalah selamat, berkesan dan kos efektif. Salah satu strategi adalah melalui penilaian teknologi kesihatan.

Sejak tahun 1995, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, Bahagian Perkembangan Perubatan telah menjalankan penilaian teknologi kesihatan terutama ke atas teknologi

## NO SOALAN : 300

kesihatan yang belum pernah diguna pakai di fasiliti kesihatan KKM yang mungkin mempunyai implikasi terhadap polisi dan program kebangsaan, dan juga teknologi kesihatan sedia ada yang mempunyai isu berkaitan keselamatan, keberkesanan, dan implikasi kewangan.

Penyediaan laporan teknikal yang komprehensif dan perlu mematuhi kaedah/metodologi spesifik mengikut piawaian antarabangsa adalah kunci utama dalam memastikan setiap keputusan yang diambil oleh pembuat dasar dan pengamal perubatan berkaitan teknologi kesihatan adalah telus, berdasarkan bukti saintifik, dan berorientasi kepada nilai (*value based*) bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang berkesan, berkualiti, dan mampan.

Sehingga tahun 2018, sebanyak 424 penilaian teknologi kesihatan telah dijalankan yang mana 154 (36.32%) teknologi kesihatan adalah disyorkan (*recommended*) untuk digunakan secara rutin atau selektif, 110 (25.94%) teknologi kesihatan disyorkan untuk tujuan penyelidikan (*research purpose*) dan 160 (37.74%) teknologi kesihatan tidak disyorkan (*not recommended*).

Manakala bagi memastikan kualiti kepakaran Pegawai Perubatan Pakar di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, semua pegawai yang mempunyai kelulusan kepakaran perlu menjalani tempoh pewartaan selama sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum dilantik sebagai Pakar. Pewartaan ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Khas Perubatan (JKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkara 27, Bab F (Perubatan), Perintah Am Kerajaan.

Selain itu, pendaftaran dengan *National Specialist Register* (NSR) pula merupakan peraturan yang mewajibkan semua pakar sama ada dari sektor Kerajaan atau swasta bagi membolehkan mereka untuk mengamal sebagai pakar di Malaysia berdasarkan Akta Perubatan 1971 (pindaan 2012). NSR adalah di bawah kuasa Majlis Perubatan Malaysia.

**Yang di-Pertua,**

Semua ubat-ubatan di Malaysia perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum ia boleh dikilang, diimport atau dijual. KKM sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan ke atas produk-produk yang telah didaftarkan melalui Program Pengawasan Mutu Produk Berdaftar. Ini bertujuan untuk memastikan semua produk berdaftar yang dipasarkan serta dibekalkan adalah selamat dan berkualiti. Di bawah program ini, produk yang berada di pasaran akan disampel bagi tujuan pemantauan. Di samping itu, mekanisme pelaporan aduan produk berdaftar dari pengguna di peringkat hospital juga telah diwujudkan. Melalui aktiviti-aktiviti berkenaan, tindakan punitif seperti arahan panggil balik, amaran kualiti, amaran dokumentasi dan pembatalan pendaftaran produk akan diambil ke atas produk yang gagal mematuhi keperluan pendaftaran serta piawaian yang ditetapkan. Melalui pelaksanaan program ini, kualiti ubatan yang diguna pakai di hospital awam dan pasaran dapat ditentukan.

**Yang di-Pertua,**

KKM sentiasa menjalankan penambahbaikan dan inovasi demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Sebagai contohnya, KKM melalui Institut Penyelidikan Perubatan telah menemui inovasi dalam bidang perubatan melalui pensterilan *maggot*, di mana kaedah ini dapat mengeluarkan *maggot* untuk digunakan bagi terapi ulser kronik. Terapi ini telah digunapakai di kebanyakan fasiliti di Kementerian Kesihatan dan telah menunjukkan hasil yang sangat baik bagi pesakit dengan luka kronik serta '*diabetic foot*'.

Pihak Institut Penyelidikan Perubatan juga telah menjalankan projek penyelidikan inovasi dari segi penghasilan ekstrak alergen yang terdiri dari makanan-makanan tempatan. Hasil inovasi bahan alergen tersebut dapat digunakan untuk ujian cucuh kulit (*skin prick test*) bagi mendiagnos pesakit yang mempunyai penyakit alahan seperti allergic rhinitis, atopic dermatitis dan asthma. Hasil inovasi ini sedang dijalankan di hospital Kementerian Kesihatan untuk digunakan di klinik alergi. Dengan adanya

## **NO SOALAN : 300**

hasil inovasi penyelidikan ekstrak alergen ini, ia dapat meningkatkan penjagaan kesihatan bagi penyakit alergi di Malaysia di mana pakar perubatan dapat mengenalpasti punca alahan seterusnya rawatan yang sewajarnya dapat diberikan kepada pesakit. Inovasi lain misalnya produk Dentur Penuh 1Hari berupaya memendekkan tempoh penyediaan dentur kepada pesakit.

Inovasi dan pembaharuan terkini sentiasa akan diketengahkan dari masa ke semasa sekiranya ia terbukti berkesan dan selamat kepada pesakit.

Sekian, terima kasih.